

Tunku ceria menjelang kemerdekaan

BH - 16/6/2007

Pemandu Perdana Menteri pertama bersemangat ceritakan detik sambutan merdeka



50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

JIKA orang lain mendakwa Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj senyum memanjang dan menjadi orang paling gembira menjelang detik kemerdekaan negara pada Ogos 1957, kata-kata itu mungkin satu andaian berdasarkan cakap-cakap pihak ketiga.

Tetapi jika orang bernama R Kalimuthoo, 82, berkata demikian, ia pasti benar kerana beliau adalah antara orang yang paling rapat dengan Bapa Kemerdekaan Negara itu. Sebagai pemandu rasmi Tunku, Kalimuthoo tahu segala pergerakan Perdana Menteri pertama khususnya menjelang detik kemerdekaan negara - senyum, riang, sedih, ketawa - semua gerak-geri itu berlaku di depan matanya.

"Saat yang paling diingati ialah apabila menyaksikan Tunku dengan penuh semangat menurunkan bendera 'Union Jack' di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) pada malam ambang kemerdekaan dan laungan 'merdeka' menggegarkan Stadium Merdeka, keesokannya.

"Pelbagai bangsa dan kaum dari semua peringkat datang pada malam itu, malam yang paling meriah selepas bebas daripada belunggu penjajahan. Lebih 20,000 orang berkumpul dan bertumpu di padang itu pada malam bertuah itu," katanya yang ketika itu berusia 32 tahun.

Tetapi pada malam itu, dia tidak membawa Tunku ke Padang Kelab Selangor, sebaliknya pemandu lain yang dia sudah lupa namanya. Tugas Kalimuthoo pada malam itu ialah memandu kereta yang membawa anak dan ahli keluarga Tunku ke situ tetapi tetap berada di tempat sama merayakan kemerdekaan negara.

"Tunku tidak bercakap terus dengan saya menjelang detik bersejarah itu tetapi saya tahu riak wajahnya sebagai orang yang paling gembira dan bangga pada malam berkenaan. Beliau nampak begitu ceria dan Tunku terus bercerita mengenai perjuangan menuntut kemerdekaan kepada sesiapa saja yang menemuinya termasuk pelawat asing selepas malam itu," katanya.

Hubungan Kalimuthoo dengan Tunku Abdul Rahman bermula apabila diperkenalkan kepada Tunku ketika bekerja sebagai budak pejabat di Persatuan Bola-sepak Selangor (FAS). Ketika itu, Tunku adalah presiden persatuan, selain bertugas sebagai Timbalan Pendakwaraya.

"Sebenarnya, Tunku yang menggalakkan saya untuk memandu dan saya kemudian bekerja secara sambilan dengannya. Saya hanya membawa anak dan anak saudara

Tunku ke sekolah," katanya dan menambah ketika itu Tunku memiliki kereta Jaguar dan Morris Minor.

Bermula dari situ, dia terus bekerja dengan Tunku sebelum menjadi pemandu rasmi pada 1957 hingga Bapa Kemerdekaan Malaysia itu meninggal dunia pada 6 Disember 1990.

Disebabkan pekerjaannya itu, Kalimuthoo mungkin antara ribuan individu yang masih hidup dan dapat menceritakan semula suasana dan keadaan yang berlaku pada malam ambang kemerdekaan pada 30 Ogos 1957, disusuli upacara bersejarah pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos.

Dia begitu bersemangat menceritakan pengalaman hampir 50 tahun lalu itu, seolah-olah baru semalam peristiwa itu berlaku.

Bagaikan tidak mahu berhenti bercakap mengenai tarikh keramat itu, Kalimuthoo seterusnya menceritakan bahawa suasana pada malam 30 Ogos di Padang Kelab Selangor begitu meriah dan semua wajah

yang hadir amat ceria.

Malah, masing-masing sudah memasang angan-angan dan bercerita mengenai arah tuju mereka selepas negara mendapat kemerdekaan.

"Semua orang bercakap pasal kemerdekaan. Di mana saja mereka berborak, semuanya pasal merdeka. Malaya merdeka.

"Saya masih ingat betapa bangga Tunku ketika melihat bendera Union Jack diturunkan dan buat kali pertama bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan di Malaya. Saya akan mengingati saat itu sampai bila-bila," katanya.

Kalimuthoo yang kelihatan sihat dan lebih muda berbanding usianya, menambah dia adalah antara ribuan rakyat bersama-sama melaungkan perkataan merdeka ketika Tunku membaca perisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka.

"Perkataan merdeka memenuhi ruang stadium seperti sesuatu yang amat luar biasa ketika itu dan kami menjerit seperti sekumpulan kanak-kanak yang kegembiraan," katanya.



GAMBAR ALBUM: Kalimuthoo sering bersama Tunku Abdul Rahman ketika menjadi pemandu Perdana Menteri pertama.

Kalimuthoo kini hidup bersendirian di rumah yang dibelinya di Kulim Techno City 1 dan menghabiskan sisa hidupnya dengan berkebun. Dia turut menerima pencen bulanan sebanyak RM360.

Dia berpisah dengan isteri keduanya, S Thanam, 65, manakala bekas isteri pertamanya C Suppamah meninggal dunia tiga tahun lalu. Dia dikurniakan 16 anak, masing-masing tujuh perempuan dan sembilan lelaki serta 27 cucu.

Orangnya peramah dan sentiasa mengukir senyuman ketika bertutur. Bahasa Malaysia yang digunakan ketika berbual seperti bahasa yang digunakan dalam filem Melayu sekitar 1950-an.

Sesekali dia bertutur dalam bahasa Inggeris, tata bahasa betul berbanding graduan masa kini walaupun hanya bersekolah setakat Standard 1 di Sekolah Inggeris Tamil, Kelebang, Melaka.

Bahasa Inggerisnya juga memiliki ciri dan gaya sebutan British kerana dia membesar ketika zaman penjajahan Inggeris.

PROFIL



TUNKU
A Pictorial Biogra
1957-1987

R Kalimuthoo

- **Tarikh lahir:** 30 Mei 1925
- **Asal:** Melaka
- **Pendidikan:** Standard 1 Sekolah Inggeris Tamil Jalan Kelebang Melaka
- **Isteri:** Pertama - C Suppamah, Kedua - S Thanam
- **Anak:** 16 (tujuh perempuan dan sembilan lelaki)
- **Cucu:** 27 orang
- **Bekerja sebagai pemandu Tunku:** 1957 - 1990